KOPERASI WARGA HIJRAH SELANGOR BERHAD

KOHIJRAH

MESYUARAT AGUNG KAWASAN KALI KE - 4

28 NOV 2026 (SABTU) : ZON 1 10.00 PAGI

28 NOV 2026 (SABTU) : ZON 2 11.00 PAGI

28 NOV 2026 (SABTU) : ZON 3 12.00 PAGI

KANDUNGAN

1 KATA ALUAN PENGERUSI

2 NOTIS MESYUARAT AGUNG KAWASAN

3 MAKLUMAT KORPORAT

4 SENARAI AHLI LEMBAGA, PENGURUSAN KOHIJRAH DAN JAWATANKUASA JURU AUDIT DALAM

5 SENARAI ZON DAN CAWANGAN

6 AGENDA MESYUARAT AGUNG KAWASAN

7 PENYATA KEWANGAN TERAUDIT TAHUN KEWANGAN 2025 / 2026

8 ANGGARAN BELANJAWAN TAHUN KEWANGAN 2026 / 2027

9 KEPUTUSAN PEMILIHAN PERWAKILAN KE MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN 2026 / 2027

KATA ALUAN PENGERUSI

KATA-KATA ALUAN PENGERUSI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Anggota Koperasi yang dihormati sekalian,
Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat berkumpul pada hari ini bagi menjayakan Mesyuarat Agung Kawasan Kali Ke-4 Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua anggota yang hadir serta memberikan sokongan berterusan kepada koperasi.

Alhamdulillah, KOHIJRAH telah mencatatkan satu pencapaian yang membanggakan apabila berjaya memperoleh Anugerah Koperasi Terbaik Negeri Selangor di tempat ke-10 dan menduduki tempat ke-83 dalam Carta 100 Koperasi Terbaik Seluruh Malaysia. Pengiktirafan ini merupakan hasil usaha, komitmen dan kerjasama seluruh Anggota Lembaga Koperasi, pihak pengurusan serta kakitangan KOHIJRAH.

Dalam usaha mengembangkan aktiviti perniagaan dan meningkatkan pendapatan koperasi, KOHIJRAH telah membangunkan pelbagai outlet dan projek antaranya Kohijrah Carwash, Kohijrah Mart, Kohijrah Barber, Kohijrah Warehouse, Pusat Lelongan Agro Selangor, Laman Niaga Usahawan, Pantai Bumi Hijau, Rumah Rehat, Kohijrah Honey Farm, Kohijrah Ginger Farm, dan Pusat Pengumpulan Hasil.

Pembangunan ini merupakan langkah strategik koperasi dalam mempelbagaikan sumber pendapatan, memperluaskan peluang perniagaan serta membantu usahawan dan komuniti setempat. Kita berharap setiap projek yang dilaksanakan dapat memberikan manfaat dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi koperasi dalam jangka masa panjang.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), khususnya Cawangan Negeri Selangor, serta Kerajaan Negeri Selangor atas segala sokongan, khidmat nasihat dan bimbingan yang telah diberikan kepada KOHIJRAH selama ini.

Penghargaan turut ditujukan kepada semua Anggota Lembaga Koperasi, pihak pengurusan, kakitangan serta seluruh anggota yang sentiasa memberikan sokongan dan kepercayaan kepada koperasi.Saya percaya bahawa kekuatan sesebuah koperasi terletak pada semangat kebersamaan, kepercayaan dan kerjasama semua pihak. Justeru, marilah kita terus mengekalkan hubungan yang baik, mengamalkan sikap saling membantu dan bersama-sama memikul tanggungjawab dalam memastikan koperasi terus berkembang.Sebarang pandangan, teguran dan cadangan yang membina amat dialu-alukan demi penambahbaikan serta kemajuan koperasi pada masa akan datang.

Saya berharap agar Mesyuarat Agung Kawasan Kali Ke-4 ini dapat berjalan dengan lancar dan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Gunakanlah ruang mesyuarat ini untuk berkongsi pandangan, membincangkan perkara-perkara berkaitan koperasi serta membuat keputusan yang terbaik demi kepentingan bersama.Marilah kita terus berganding bahu, memperkukuh perpaduan dan memberikan sokongan padu kepada setiap usaha pembangunan KOHIJRAH. Semoga segala perancangan dan usaha yang dilaksanakan mendapat keberkatan serta dipermudahkan oleh Allah S.W.T.Saya yakin, dengan semangat kerjasama dan komitmen yang berterusan, KOHIJRAH mampu melakar lebih banyak kejayaan serta menjadi sebuah koperasi yang terus maju, kukuh dan disegani.

Sekian, terima kasih.

" BERSATU MEMACU KEMAJUAN"

EN. ZAKARIA BIN ZAINAL
Pengerusi
Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad

NOTIS

MESYUARAT AGUNG KAWASAN

KOPERASI WARGA HIJRAH SELANGOR BERHAD (KOHIJRAH)
Nombor Pendaftaran : B-5-1728
WISMA KOHIJRAH SELANGOR,
52-1 JALAN SUNGAI RASAU E32/E,
BERJAYA PARK SEKSYEN 32,
40460 SHAH ALAM, SELANGOR

TEL : 03-55251109 EMAIL : kohijrahselangor@gmail.com

Rujukan Kami : KOHIJRAH/100-01/02 (13)
Tarikh : 04hb. November 2026

AHLI KOHIJRAH SELANGOR

Tuan/Puan,

MESYUARAT AGUNG KAWASAN KALI KE 4 (ZON 1) SECARA ATAS TALIAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad (KOHIJRAH) akan mengadakan Mesyuarat Agung Kawasan Kali Keempat pada ketetapan berikut:

Tarikh	**: 28 November 2026 (Sabtu)**
Masa	**: 10.00 pagi**
Tempat Penyiaran	**: Wisma KOHIJRAH, 52-1 Jalan Sungai Rasau E 32/E, Berjaya Park, Seksyen 32, 40460 Shah Alam, Selangor.**
Kaedah	**: Zoom Meeting / Atas Talian (Pautan akan diberikan)**

3. **PENDAFTARAN MESYUARAT** akan dibuka secara dalam talian bermula **jam 9.00 pagi, 27 November 2026 (Jumaat) sehingga jam 10.00 pagi, 28 November 2026 (Sabtu).** Berikut adalah panduan pengguna (user guide) untuk mendaftar dan menghadiri Mesyuarat Agung Kawasan Kali Keempat secara atas talian iaitu sebagaimana berikut;

A) TATACARA PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG SECARA DALAM TALIAN

i. Sesi taklimat / RAPTAI / rakaman panduan menyertai mesyuarat akan dibekalkan kemudian.
ii. Manual panduan pendaftaran MAK Kali Keempat (Versi Digital PDF) boleh diakses di **http://www.kohijrah.kopmalaysia.com/manual.pdf**.
iii. Anggota mestilah bersiap sedia dengan perkakasan dan talian internet yang bersesuaian untuk membolehkan akses ke mesyuarat melalui aplikasi ZOOM Meeting.
iv. Manual panduan pendaftaran MAK Kali Keempat dalam bentuk digital (PDF) akan diedarkan melalui whatsapp group atau telegram KOHIJRAH.
v. Pendaftaran kehadiran anggota hanya akan diambil kira menerusi platform e-AGM yang diguna pakai secara rasmi seperti berikut;

KOPERASI WARGA HIJRAH SELANGOR BERHAD (KOHIJRAH)
Nombor Pendaftaran : B-5-1728
WISMA KOHIJRAH SELANGOR,
52-1 JALAN SUNGAI RASAU E32/E,
BERJAYA PARK SEKSYEN 32,
40460 SHAH ALAM, SELANGOR

TEL : 03-55251109 EMAIL : kohijrahselangor@gmail.com

a) Layari laman web : **https://eagm.kil.com.my**

atau;

b) Imbas QR CODE :

vi. Hanya anggota koperasi yang berstatus Aktif sahaja diperbolehkan mendaftar di dalam platform e-AGM. Sila ingati **KOD MESYUARAT** yang telah ditetapkan iaitu : **kohijrah01**

vii. Pautan ZOOM Meeting untuk menyertai mesyurat secara online hanya akan aktif selepas tuan/puan berjaya mendaftar kehadiran di platform e-AGM **AGMeXPERT**.

viii. Semua anggota perlu **download & install** aplikasi **ZOOM MEETING** melalui **Google Play Store** (pengguna android) dan **Apple Store** (pengguna iphone) di smartphone masing-masing untuk menyertai sesi mesyuarat dalan talian nanti.

B) SESI SOAL JAWAB SEMASA MESYUARAT BERLANGSUNG

i. Bagi sebarang soalan yang berkaitan agenda, anggota boleh mengemukakan secara lisan dengan menekan 'reaction' '**Raised Hand**' dalam aplikasi ZOOM Meeting. Pengerusi Mesyuarat akan memberi kebenaran bercakap setelah pengawal aplikasi memberi laluan dan mengisytiharkan nama.

ii. Soalan hendaklah jelas dan hanya menjurus kepada agenda yang berkenaan sahaja.

iii. Pertanyaan di ruangan 'Chat Box' hanya dibuka untuk pertanyaan teknikal. Sebarang komen yang tidak berkaitan, mempunyai unsur-unsur tidah sihat adalah tidak dibenarkan sama sekali.

iv. Pengerusi Mesyuarat mempunyai kuasa mengawal sesi soal jawab semasa MAK berlangsung.

v. Untuk makluman tuan/puan, MAK ini layak dihadiri oleh semua anggota koperasi dan ia tertakluk di bawah **Seksyen 30 Akta Koperasi 1993 (Akta 502)** dan peraturan-peraturan menyatakan tiada wakil yang boleh mendaftar dan mengundi bagi pihak anggota.

5. Setiap anggota yang hadir Mesyuarat Agung Kawasan akan diberikan **elaun kehadiran** sebanyak **RM60**. Anggota KOHIJRAH boleh membuat tuntutan bayaran dengan memberikan **no.akaun bank** untuk tujuan pembayaran elaun kehadiran. Sila hubungi pejabat koperasi di talian **03-5525 1109** atau whatsapp wakil KOHIJRAH di talian **014-389 7874**. Bersama-sama ini dilampirkan dokumen seperti berikut:

KOPERASI WARGA HIJRAH SELANGOR BERHAD (KOHIJRAH)
Nombor Pendaftaran : B-5-1728
WISMA KOHIJRAH SELANGOR,
52-1 JALAN SUNGAI RASAU E32/E,
BERJAYA PARK SEKSYEN 32,
40460 SHAH ALAM, SELANGOR

TEL : 03-55251109 EMAIL : kohijrahselangor@gmail.com

i. **Agenda Mesyuarat Agung Kawasan**
ii. **Borang Pencalonan Perwakilan**
iii. **Borang Usul**
iv. **Borang Kemaskini Maklumat Peribadi Terkini Anggota**
v. **Buku Mesyuarat Agung Kawasan Kali Keempat (Buku bercetak tidak akan dibekalkan lagi)**

Kehadiran tuan/puan dalam menjayakan mesyuarat ini amatlah kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Terima kasih.

"BERSATU MEMACU KEMAJUAN"

Yang menjalankan tugas,

MUHAMMAD AMIR ASYRAF BIN MOHD YUSOF
Setiausaha
Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad

s.k : Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Negeri Selangor

Agenda Mesyuarat Kawasan

I. Doa
II. Ucapan Pengerusi Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad (KOHIJRAH)
III. Melantik seorang Pengerusi Mesyuarat
IV. Melantik Pencatat Minit
V. Membentangkn Akaun Teraudit Koperasi Tahun 2025/2026
VI. Membentangkan belanjawan tahunan yang akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Agung Kawasan Tahun 2026/2027
VII. Membentangkan cadangan kepada undang-undang kecil koperasi, jika ada
VIII. Pemilihan perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan tahunan Koperasi
IX. Menimbangkan usul-usul (jika ada)

BORANG PENCALONAN PERWAKILAN MESYUARAT AGUNG KAWASAN KALI KE 6

KAWASAN : ZON 1

Saya .....dengan ini bersetuju untuk bertanding sebagai perwakilan untuk sesi 2026/2027 di Mesyuarat Agung Kawasan 2026 secara atas talian yang akan diadakan pada 28 November 2026.

Tandatangan Calon :……

Nama :……

No. K/P :……

No. Anggota : ..... (Diisi oleh KOHIJRAH)

No. H/P :……

Alamat Emel :……

Cawangan : ……..

Tandatangan Pencadang :……

Nama :……

No. K/P :……

No. Anggota : ..... (Diisi oleh KOHIJRAH)

No. H/P :……

Alamat Emel :……

Cawangan : ……..

Tandatangan Penyokong :……

Nama :……..……

No. K/P :……

No. Anggota : ..... (Diisi oleh KOHIJRAH)

No. H/P :……

Alamat Emel :……

Cawangan : ……..

PENTING

1. Pengesahan kelayakan akan dilakukan oleh pihak Koperasi dan akan dimaklumkan kepada calon setelah penerimaan borang pencalonan. (Sila hubungi Koperasi di talian 03-5525 1109 atau Whatsapp ke talian 014-389 7874 jika tidak menerima pengesahan dalam tempoh 3 hari selepas tarikh tutup pencalonan)
2. Semua borang pencalonan hendaklah di emel di kohijrahselangor@gmail.com
3. Sila pastikan borang diisi dengan lengkap dan mematuhi Undang-Undang Kecil Koperasi bagi mengelakkan pencalonan ditolak.
4. Pencadang dan Penyokong mestilah anggota yang sah dan bertugas di kawasan yang sama dengan calon.
5. Calon Pencadang dan Penyokong hendaklah anggota yang aktif dan tidak mempunyai tunggakan yuran dan pembiayaan dengan koperasi.

BORANG PENCALONAN HENDAKLAH DIHANTAR SEBELUM ATAU PADA 23HB NOV 2026 JAM 5.00 PETANG

BORANG USUL MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KEENAM

Setiausaha
Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad
Wisma Kohijrah 52-1, Jalan Sungai E32/E,
Seksyen 32, 40460 Shah Alam,
Selangor.

Tuan / Puan;

USUL-USUL PERWAKILAN BAGI MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KOPERASI WARGA HIJRAH SELANGOR BERHAD KALI KEENAM

Bersama-sama ini dikemukakan usul-usul untuk dipertimbangkan di Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOHIJRAH seperti berikut:

1) .....

.....

2) .....

.....

3) .....

.....

.....

Nama : _____

Alamat : _____

No K/P : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

«<PERHATIAN»>

SILA KEMUKAKAN SEGALA USUL-USUL UNTUK DIBENTANGKAN DI MESYUARAT AGUNG. SEGALA USUL TUAN/PUAN HENDAKLAH DIKEMUKAKAN SELEWAT-LEWATNYA PADA **23HB NOVEMBER 2026 (ISNIN)** MELALUI POS KE ALAMAT WISMA KOHIJRAH NO. 52-1, JALAN SUNGAI RASAU E 32/E TAMAN BERJAYA, BERJAYA PARK, SEKSYEN 32 SHAH ALAM SELANGOR / MELALUI EMAIL **kohijrahselangor@gmail.com**

BORANG KEMASKINI MAKLUMAT PERIBADI TERKINI ANGGOTA

MAKLUMAT ANGGOTA

Nama : .....

Alamat : .....

.....

No. K/P : .....

No. H/P : .....

Email : .....

No Akaun Bank : .....

MAKLUMAT PEWARIS

Nama : .....

Alamat : .....

.....

No. K/P : .....

No. H/P : .....

Email : .....

No Akaun Bank : .....

Email kepada **kohijrahselangor@gmail.com** atau sila hubungi KOHIJRAH di talian **03-5525 1109** atau whatsapp ke talian **014-389 7874** untuk sebarang pertanyaan.

KOPERASI WARGA HIJRAH SELANGOR BERHAD
(KOHIJRAH)

KAEDAH KEMASKINI MAKLUMAT PERIBADI TERKINI ANGGOTA



Kemaskini maklumat boleh dibuat secara **dalam talian (online)** dengan melayari laman web

https://app.ikoop.com.my/kohijrah/index.php

KAEDAH KEMASKINI MAKLUMAT SECARA DALAM TALIAN

1. Layari iKOOP : Sistem Kewangan Koperasi → Log Masuk
2. Pilih Koperasi – KOHIJRAH (seterusnya)
3. Klik "Sila Daftar Secara Dalam Talian (Online)" di sini
4. Masukkan No. KP dan tekan Semak
5. Lulus dan Mendapat No. ID.
6. Log Masuk → ID Pengguna dan Kata Laluan adalah No. KP
7. Kemaskini Maklumat dan Tukar Kata Laluan.

PERTANYAAN

E-mel kepada
kohijrahselangor@gmail.com | 03-5525 1109 | 014-389 7874

atau sila hubungi KOHIJRAH untuk sebarang pertanyaan.

MAKLUMAT KORPORAT

MAKLUMAT KORPORAT

ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

PENGERUSI
Encik Zakaria bin Zainal

SETIAUSAHA
Encik Muhammad Amir Asyraf Bin Mohd Yusof

BENDAHARI
Encik Mohd Hafizi Bin Jamaludin

ANGGOTA LEMBAGA
Encik Shaharuddin Bin Yacob
Puan Suzana Binti Omar
Encik Mior Amin Bin Badalishah
Encik Razali Bin Abdul Razak
Encik Mohammad Syuhaimi Bin Md Noh
Encik Hasan Basri bin Hussin

JAWATANKUASA AUDIT DALAM
Encik Mohd Nata Bin Muhamad
Puan Afzan Binti Hasan
Encik Farizzakirin Bin Mohd Nordin

JURUAUDIT LUAR
Azmi Jaafar & CO

BANK
Affin
Agro
Coop bank

PEJABAT BERDAFTAR / IBU PEJABAT
Wisma KOHIJRAH , No 52-1 Jalan Sungai Rasau E32/E, Seksyen 32, 40460 Shah Alam, Selangor.

Tarikh Pendaftaran: 25 Ogos 2015
No Pendaftaran: B-5-1728

Tel: 03-5525 1109
Faks: 03-5525 1109

Facebook: Kohijrah Selangor
Email: kohijrahselangor@gmail.com

KUMPULAN PENGURUSAN

Pengurus Besar
Dato' Dr. Mohammad Syukri Bin Ismail

Timbalan Pengurus
Puan Siti Nor Szillah Binti Jusoh @ Shamsuddin

Eksekutif Kanan
1) Nur Fitriah Hani Binti Md Zamri
2) Nurul Farhana Binti Hisammuddin
3) Ahmad Khairul Khair Bin Mohd Yusri
4) Mohamad Zulzikri Bin Mohd Maksom
5) Sheikh Osman bin Sheikh Zahari

Pegawai Pentadbiran
1) Nurin Izzaty Binti Johari

Penyelia
1) Nor Mazzuin bt Abdul Wahid
2) Siti Noorfariha binti Setapa
3) Encik Aidil Haqimi Bin Rosmadi

ANUGERAH
KOPERASI

ANUGERAH KOPERASI TERBAIK NEGERI SELANGOR 2026



KOPERASI DIIKTIRAF TEMPAT KE-83 DALAM SENARAI 100 KOPERASI TERBAIK MALAYSIA 2026



SENARAI

AHLI LEMBAGA, PENGURUSAN KOHIJRAH DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

ANGGOTA LEMBAGA



ZAKARIA BIN ZAINAL
PENGERUSI



MOHD HAFIZI
BIN JAMALUDIN
BENDAHARI



MUHAMMAD AMIR ASYRAF
BIN MOHD YUSOF
SETIAUSAHA

ANGGOTA LEMBAGA



MIOR AMIN BIN BADALISHAH
AHLI LEMBAGA



RAZALI BIN ABDUL RAZAK
AHLI LEMBAGA



SHAHARUDDIN BIN YAACOB
AHLI LEMBAGA



HASAN BASRI BIN HUSIN
AHLI LEMBAGA



MOHAMMAD SYUHAIMI
BIN MD NOH
AHLI LEMBAGA



SUZANA BINTI OMAR
AHLI LEMBAGA

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN



NURUL AFZAN BINTI HASAN
JURU AUDIT DALAMAN



MOHD NATA BIN MUHAMAD
JURU AUDIT DALAMAN



MOHD FARIZZAKIRIN BIN MOHD NORDIN
JURU AUDIT DALAMAN

PENGURUSAN



DATO' DR MOHAMMAD SYUKRI BIN ISMAIL
PENGURUS BESAR



SITI NOR SZILLAH BINTI JUSOH @ SHAMSUDDIN
TIMBALAN PENGURUS

CARTA ORGANISASI
KOPERASI WARGA HIJRAH SELANGOR BERHAD



SENARAI ZON DAN CAWANGAN

SENARAI ZON DAN CAWANGAN

JUMLAH STAFF	JUMLAH USAHAWAN	JUMLAH KESELURUHAN
103	10,153	10,256

ZON 1

Staff 20 | Usahawan 2,181 | Jumlah 2,201

BIL	CAWANGAN	STAFF	USAHAWAN	JUMLAH
1	Sabak Bernam	4	266	270
2	Sungai Besar	4	642	646
3	Tanjung Karang	1	400	401
4	Kuala Selangor	2	247	249
5	Kapar	5	570	575
6	Klang	1	36	37
7	Kota Raja	3	20	23
	JUMLAH ZON 1	**20**	**2,181**	**2,201**

ZON 2

Staff 39 | Usahawan 4,927 | Jumlah 4,966

BIL	CAWANGAN	STAFF	USAHAWAN	JUMLAH
1	Shah Alam	10	225	235
2	PJS	3	499	502
3	PJU	4	838	842
4	Puchong	5	892	897
5	Kelana Jaya	2	229	231
6	Subang	4	689	693
7	Kuala Langat	7	853	860
8	Sepang	4	702	706
	JUMLAH ZON 2	**39**	**4,927**	**4,966**

ZON 3

Staff 44 | Usahawan 3,045 | Jumlah 3,089

BIL	CAWANGAN	STAFF	USAHAWAN	JUMLAH
1	HQ	26	-	26
2	Ampang	3	453	456
3	Gombak	4	118	122
4	Selayang	4	332	336
5	Hulu Langat	3	396	399
6	Pandan	2	335	337
7	Serdang	1	1,157	1,158
8	Hulu Selangor	1	254	255
	JUMLAH ZON 3	**44**	**3,045**	**3,089**

JUMLAH KESELURUHAN	103	10,153	10,256

AGENDA
MESYUARAT AGUNG KAWASAN

Agenda Mesyuarat Kawasan

I. Doa
II. Ucapan Pengerusi Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad (KOHIJRAH)
III. Melantik seorang Pengerusi Mesyuarat
IV. Melantik Pencatat Minit
V. Membentangkn Akaun Teraudit Koperasi Tahun 2026
VI. Membentangkan belanjawan tahunan yang akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Agung Kawasan Tahun 2027/2028
VII. Membentangkan cadangan kepada undang-undang kecil koperasi, jika ada
VIII. Pemilihan perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan tahunan Koperasi
IX. Menimbangkan usul-usul (jika ada)

PENYATA
KEWANGAN TERAUDIT
TAHUN 2025 / 2026

KOPERASI WARGA HIJRAH SELANGOR BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)

LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2026

AZMI JAAFAR & CO. (NF 0990)
AKAUNTAN BERTAULIAH (MALAYSIA)

PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2026

Kandungan	Muka surat
Laporan Juruaudit	*1 - 3*
Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi	*4 - 5*
Kunci Kira-Kira	*6*
Penyata Pembahagian Keuntungan	*7*
Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan	*8 - 11*
Penyata Aliran Tunai	*12*
Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan	*13 - 25*

AZMI JAAFAR ASSOCIATES (201803403654)

AZMI BIN JAAFAR
C.A. (M), FICMA, B Acc (Hons) UiTM

12B-2, Tingkat 3, Jalan Pandan Indah 3/3A,
55100 Pandan Indah, Kuala Lumpur.
Tel : 603-42956134
Fax : 603-42956134
Email : azmijaafar.associates@gmail.com

LAPORAN PENGURUSAN JURUAUDIT
DI BAWAH PERATURAN 27(9), PERATURAN-PERATURAN KOPERASI 2010

Kepada,
Suruhjaya Koperasi Malaysia,
Anggota-anggota Lembaga **Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad**

Tetuan,

Mengikut kehendak Peraturan 27(9), Peraturan-Peraturan Koperasi 2010, kami melaporkan bahawa kami telah mengaudit penyata kewangan **Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad** bagi tahun berakhir 31 Mac 2026 dan laporan pengurusan kami adalah seperti berikut:

PENEMUAN-PENEMUAN	CADANGAN-CADANGAN
1) Pendahuluan MyTani Resources Didapati termasuk dalam penghutang lain dan deposit adalah pendahuluan MyTani Resources berjumlah RM883,990.93. Amaun ini telah tidak bergerak sejak beberapa tahun.	Pihak koperasi disaran agar memastikan bahawa pendahuluan ini dapat dikutip semula dan sekiranya tidak dapat maka peruntukan hutang ragu perlu diperuntukan.

Sekian. Terima kasih.

.....
AZMI JAAFAR ASSOCIATES
JURUAUDIT KOPERASI BERTAULIAH

Kuala Lumpur
Tarikh: 25 September 2026

AZMI JAAFAR ASSOCIATES (201803403654)

AZMI BIN JAAFAR
C.A. (M), FICMA,B Acc (Hons) UiTM

12B-2, Tingkat 3, Jalan Pandan Indah 3/3A,
55100 Pandan Indah, Kuala Lumpur.
Tel : 603-42956134
Fax : 603-42956134
Email : azmijaafar.associates@gmail.com

LAPORAN JURUAUDIT
KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA KOPERASI WARGA HIJRAH SELANGOR BERHAD DAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA.

Laporan Audit ke atas Penyata Kewangan berakhir 31 Mac 2026

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad yang mengandungi Kunci Kira-kira pada 31 Mac 2026, Akaun Pembahagian Keuntungan, Akaun Untung Rugi dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan ringkasan polisi-polisi perakaunan yang signifikan serta nota-nota kepada penyata kewangan pada muka surat 6 hingga 25.

Pada pendapat kami, Penyata Kewangan yang telah disediakan memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan koperasi pada 31 Mac 2026 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut menurut Garis Panduan-Garis Panduan Penyeliaan Koperasi, Piawaian Perakaunan yang diluluskan, peruntukan Akta Koperasi 1993 dan berkenaan yang telah diluluskan di Malaysia.

Kami telah jalankan pengauditan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan piawaian pengauditan antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut dinyatakan lebih lanjut di bahagian Tanggungjawab Juruaudit bagi audit penyata kewangan dalam laporan kami. Kami percaya bukti-bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai bagi menyediakan asas kepada pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami adalah bebas daripada mana-mana pengaruh koperasi menurut Undang-Undang Kecil, Etika Pelakuan dan Amalan Profesional yang digariskan oleh Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa bagi Akauntan Kod Etika Akauntan Profesional (IEBSA code) dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab menurut Undang-Undang Kecil dan Kod Etika Akauntan Profesional tersebut.

Maklumat selain dari Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Para anggota lembaga koperasi adalah bertanggungjawab terhadap lain-lain maklumat yang terdiri daripada laporan anggota lembaga tidak termasuk penyata kewangan koperasi dan laporan juruadit kami. Pendapat kami ke atas penyata kewangan koperasi tidak meliputi laporan anggota lembaga dan kami tidak menzahirkan sebarang bentuk kesimpulan jaminan.

Berhubung dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan koperasi, kami bertanggungjawab untuk membaca laporan anggota lembaga dan dalam pada itu mempertimbangkan samada laporan anggota lembaga selari atau tidak dengan penyata kewangan koperasi atau pengetahuan kami semasa pengauditan atau sekiranya ia kelihatan seakan-akan seperti satu salah nyata yang material.

Sekiranya berdasarkan kerja pengauditan yang telah kami jalankan, kami simpulkan bahawa terdapat salah nyata yang material di dalam laporan anggota lembaga kami perlu melaporkan fakta tersebut. Kami tiada apa-apa yang perlu dilaporkan berkenaan perkara ini.

AZMI JAAFAR ASSOCIATES (201803403654)

AZMI BIN JAAFAR
C.A. (M), FICMA,B Acc (Hons) UiTM

12B-2, Tingkat 3, Jalan Pandan Indah 3/3A,
55100 Pandan Indah, Kuala Lumpur.
Tel : 603-42956134
Fax : 603-42956134
Email : azmijaafar.associates@gmail.com

LAPORAN JURUAUDIT
KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA KOPERASI WARGA HIJRAH SELANGOR BERHAD DAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA.

Tanggungjawab anggota Lembaga Koperasi Ke Atas Penyata Kewangan

Anggota Lembaga Koperasi adalah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan yang memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut Garis Panduan-Garis Panduan Penyeliaan Koperasi dan Piawaian Perakaunan yang diluluskan dan peruntukan Akta Koperasi 1993 di Malaysia. Anggota-anggota lembaga juga bertanggungjawab terhadap sistem kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada kesilapan yang ketara samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit bagi pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk mendapatkan jaminan yang munasabah tentang samada penyata kewangan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang material, samada disebabkan penipuan atau kesilapan dan mengeluarkan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah satu bentuk kepastian yang tinggi tetapi pengauditan yang dijalankan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa tidak dapat menjamin ianya akan sentiasa mengesan salah nyata yang material apabila ianya wujud. Salah nyata boleh terjadi akibat daripada penipuan atau kesilapan dan dikira material jika secara berasingan atau aggregat, ianya dengan munasabah dijangkakan akan mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh pengguna berpandukan penyata kewangan ini. Menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Pengauditan Antarabangsa adalah menjadi sebahagian daripada pengauditan untuk kami lakukan penilaian profesional dan kekalkan keraguan profesional di sepanjang pengauditan. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko adalah salah nyata yang material di dalam penyata kewangan samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, mereka menjalankan prosedur audit yang responsif terhadap risiko tersebut dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk kami jadikan sebagai asas kepada pendapat kami. Risiko untuk gagal mengesan penipuan adalah tinggi daripada risiko untuk gagal mengesan sesuatu kejadian akibat daripada kesilapan kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, tidak merekodkan dengan sengaja atau melangkau kawalan dalaman.

- Memahami kawalan dalaman yang berkaitan dengan pengauditan agar dapat mereka prosedur audit yang sesuai dan bukan untuk menzahirkan pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman koperasi.

- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabah anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh anggota lembaga.

AZMI JAAFAR ASSOCIATES (201803403654)

AZMI BIN JAAFAR
C.A. (M), FICMA,B Acc (Hons) UiTM

12B-2, Tingkat 3, Jalan Pandan Indah 3/3A,
55100 Pandan Indah, Kuala Lumpur.
Tel : 603-42956134
Fax : 603-42956134
Email : azmijaafar.associates@gmail.com

LAPORAN JURUAUDIT
KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA KOPERASI WARGA HIJRAH SELANGOR BERHAD DAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA.

Tanggungjawab Juruaudit bagi pengauditan Penyata Kewangan (samb)

- Membuat kesimpulan ke atas kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh pentabdir dan berdasarkan bukti audit yang di perolehi samada wujudnya ketidaktentuan yang material berkaitan peristiwa atau keadaan yang menimbulkan keraguan yang signifikan tentang kebolehan koperasi untuk terus wujud atas asas usaha berterusan.

- Sekiranya kami simpulkan bahawa wujudnya ketidaktentuan yang material kami perlu, di dalam laporan juruaudit kami menarik perhatian kepada pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan atau sekiranya pendedahan yang berkaitan adalah tidak cukup lengkap, ubahsuai pendapat kami. Kesimpulan yang kami buat adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga pada tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan boleh menyebabkan koperasi untuk terus tidak wujud pada asas usaha berterusan.

- Menilai keseluruhan persembahan, struktur dan isi kandungan penyata kewangan koperasi termasuklah pendedahan dan samada penyata kewangan menggambarkan asas transasksi dan kejadian dengan cara mencapai persembahan yang adil.

Kami berkomunikasi dengan anggota lembaga berkenaan lain-lain perkara seperti di antaranya skop dan tempoh masa pengauditan yang telah dirancang dan penemuan audit yang signifikan termasuklah mana-mana kelemahan di dalam kawalan dalaman yang telah dikesan semasa pengauditan.

Laporan berkenaan syarat-syarat Perundangan dan Peruntukan Lain.
Menurut keperluan Akta Koperasi 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami rekod perakaunan dan lain-lain rekod dan daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta telah disimpan oleh koperasi dengan wajar menurut peruntukan Akta.

Perkara-Perkara Lain
Laporan ini dibuat kepada Suruhanjaya dan anggota-anggota koperasi sebagai sebuah badan menurut Seksyen 63, Akta Koperasi 1993 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain ke atas kandungan laporan ini.

.....
AZMI JAAFAR ASSOCIATES
JURUAUDIT KOPERASI BERTAULIAH

.....
Azmi bin Jaafar
No. Juruaudit: SKM(A) 0316

Kuala Lumpur
Tarikh: 25 September 2026

KOPERASI WARGA HIJRAH SELANGOR BERHAD

LAPORAN BERKANUN LEMBAGA
MENGIKUT SEKSYEN 59(1)(C) AKTA KOPERASI 1993(Pindaan 2007)

Kami bagi pihak lembaga dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Mac 2026.

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993(Pindaan 2007) dan Peraturan-Peraturan Koperasi 2010. Kami bagi pihak lembaga melaporkan bahawa :

a) Hasil kendalian

	2026 RM
Keuntungan bersih	282,647.97

b) Pihak Lembaga mengesyorkan pembahagian berikut daripada keuntungan tahun semasa tertakluk kepada kelulusan anggota-anggota Koperasi di Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang serta kelulusan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia

i) Pembayaran dividen sebanyak 10% atas baki modal syer anggota pada 30 September 2025 dan masih menjadi anggota pada akhir tahun berjumlah RM117,041.00.

ii) Dalam tahun kewangan, Koperasi telah membuat peruntukan honorarium sebanyak RM100,000.00 bagi tahun kewangan 31 Mac 2026.

b) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara menilai aset dan liabiliti koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai.

c) Dalam jangkamasa yang diliputi oleh akaun untung rugi tiada liabiliti kontigen yang disanggupi oleh koperasi yang belum diselesaikan.

d) Pada pandangan Lembaga, hasil operasi tahun kewangan bagi tahun berakhir 31 Mac 2026 tidak dipengaruhi secara material oleh perkara-perkara yang abnormal sifatnya mengikut takrif seksyen 59(4), Akta Koperasi 1993(Pindaan 2007).

e) Lembaga juga berpendapat bahawa jumlah aset semasa yang ditunjukkan di Kunci Kira-Kira adalah munasabah.

KOPERASI WARGA HIJRAH SELANGOR BERHAD

LAPORAN BERKANUN LEMBAGA
MENGIKUT SEKSYEN 59(1)(C) AKTA KOPERASI 1993(Pindaan 2007) (Sambungan)

f) Senarai anggota lembaga Koperasi adalah seperti berikut:

Pengerusi	: Encik Zakaria bin Zainal
Setiausaha	: Encik Muhammad Amir Asyraf bin Mohd Yusof
Bendahari	: Encik Mohd Hafizi bin Jamaludin
Ahli Lembaga Koperasi	: Encik Shaharuddin bin Yacob
Ahli Lembaga Koperasi	: Encik Mior Amin bin Badalishah
Ahli Lembaga Koperasi	: Puan Suzana binti Omar
Ahli Lembaga Koperasi	: Encik Mohd Razali bin Abdul Razak
Ahli Lembaga Koperasi	: Encik Hasan Basri bin Hussin
Ahli Lembaga Koperasi	: Encik Mohammad Syuhaimi bin Md Noh

Kami bagi pihak lembaga mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang disebutkan diatas, tiada perkara-perkara lain dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Akta 1993(Pindaan 2007).

.....
Zakaria bin Zainal
Pengerusi

.....
Muhammad Amir Asyraf bin Mohd Yusof
Setiausaha

.....
Mohd Hafizi bin Jamaludin
Bendahari

Tarikh : 25 SEP 2026

KUNCI KIRA-KIRA
PADA 31 MAC 2026

	NOTA	2026 RM	2025 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, loji dan peralatan	4		
ATV		5,652.89	8,602.23
Kelengkapan gudang		14,735.11	16,468.95
Kelengkapan kedai		56,967.73	45,282.87
Kelengkapan kedai gunting		11,701.10	-
Kelengkapan ladang halia		840,281.83	-
Kelengkapan laman niaga		6,842.24	773.33
Kelengkapan Mart		4,810.04	5,095.07
Kelengkapan pejabat		56,106.63	57,662.78
Kelengkapan PLAS		27,090.04	30,168.09
Komputer		23,932.23	75,565.60
Kenderaan		443,855.00	512,660.00
Ubahsuai		1,052,657.37	433,715.46
		2,544,632.21	1,185,994.38
Aset Tidak Ketara	5	89,166.66	57,583.33
Pelaburan-pelaburan lain	6	1,385,199.44	1,440,249.44
Pembiayaan anggota	7	103,498.50	139,624.50
		1,577,864.60	1,637,457.27
ASET SEMASA			
Stok Perdagangan	8	505,374.42	699,000.67
Penghutang Perniagaan	9	701,527.87	692,482.37
Pembiayaan anggota	7	79,326.50	74,100.00
Akaun Deposit Koperasi	10	1,297,359.78	1,323,809.49
Penghutang Lain Dan Deposit	11	1,303,203.93	991,877.93
Wang Di Bank	12	868,707.78	2,073,138.94
Tunai Di Tangan	12	30,117.75	30,017.75
		4,785,618.03	5,884,427.15
		8,908,114.84	8,707,878.80
DIBIAYAI OLEH:			
MODAL DAN RIZAB			
Modal syer anggota	13	1,170,410.00	1,170,910.00
Akaun untung rugi terkumpul		4,335,913.86	4,228,786.37
KUMPULAN WANG ANGGOTA		5,506,323.86	5,399,696.37
Kumpulan wang rizab statutori	14	1,519,322.70	1,519,322.70
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Pendapatan tertangguh	15	850,000.00	884,441.89
JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA		850,000.00	884,441.89
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang Lain Dan Akruan	16	19,500.00	16,600.00
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	17	10,806.19	5,153.22
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	18	5,403.09	2,576.61
Dividen	19	117,041.00	780,088.00
Honorarium Dicadangkan	20	100,000.00	100,000.00
Simpanan Anggota	21	779,718.00	-
JUMLAH LIABILITI SEMASA		1,032,468.28	904,417.83
		8,908,114.84	8,707,878.80

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya

PENYATA PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2026

	NOTA	2026 RM	2025 RM
Keuntungan Bersih Tahun Ini		282,647.97	257,661.44
Tolak: PEMBAHAGIAN BERKANUN			
Kumpulan Wang Rizab Statutori	22%	-	-
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	2%	(5,652.96)	(5,153.23)
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	1%	(2,826.48)	(2,576.61)
		(8,479.44)	(7,729.84)
KEUNTUNGAN BERSIH SELEPAS PEMBAHAGIAN BERKANUN		274,168.53	249,931.60
Tolak: CADANGAN DAN PERUNTUKAN			
Dividen Dicadangkan	19	(117,041.00)	(117,091.00)
KEUNTUNGAN BERSIH SELEPAS CADANGAN DAN PERUNTUKAN		157,127.53	132,840.60
KEUNTUNGAN TERKUMPUL AWAL TAHUN SEBELUM PELARASAN		4,228,786.37	4,146,945.78
Honorarium tahun terdahulu dibayar	22	(50,000.04)	(51,000.01)
KEUNTUNGAN TERKUMPUL DIBAWA KE KUNCI KIRA-KIRA		4,335,913.86	4,228,786.37

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2026

	NOTA	2026 RM	2025 RM
PENDAPATAN			
Pembekalan lain-lain		-	368,790.35
Penerimaan bayaran food truck		-	57,000.00
Penerimaan barangan tani		684,441.89	336,696.00
Penerimaan bekalan gajet		-	988,450.00
Penerimaan Kohijrah motor		65,980.00	86,400.00
Penerimaan Dums		1,868,527.98	2,335,289.81
Penerimaan MAHA		-	690,500.00
Penerimaan Blueprint dan Iseed		2,602,762.00	3,284,546.00
Penerimaan Kohijrah Travel		2,518,234.75	-
Penerimaan pengurusan Tokyo		-	863,898.43
Penerimaan pengurusan Sabah		-	18,500.00
Penerimaan pengurusan Sarawak		-	26,450.00
Penerimaan F & B		-	3,748,219.00
Penerimaan bekalan peralatan		-	26,672.00
Penerimaan Retreat Marina		-	79,010.00
Penerimaan pengurusan Bangkok		-	163,550.00
Penerimaan Pementasan		-	90,723.00
Penerimaan Bekalan lembu		-	511,593.00
Penerimaan pengurusan Indonesia		-	253,480.37
Penerimaan pengurusan Uzbekistan		-	213,468.00
Penerimaan pengurusan Sweden		-	395,500.00
Penerimaan pengurusan Langkawi		-	18,650.00
Penerimaan pengurusan Thaipusam		-	299,968.00
Penerimaan Kohijrah Agro Farm (KAF)		350,400.00	-
Penerimaan Kohijrah Mart		886,975.75	-
Penerimaan Kohijrah Catering		144,422.16	-
Penerimaan Kohijrah Carwash		79,151.75	-
Penerimaan Kohijrah kedai gunting		50,827.85	-
Penerimaan jualan Laman Niaga Usahawan (LNU)		254,309.65	-
Penerimaan Pusat Lelongan Agro Selangor (PLAS)		1,760,852.87	-
Penerimaan Kohijrah Honey Farm (KHF)		67,777.04	-
Penerimaan pengurusan acara dan pementasan		3,931,635.27	-
Penerimaan Kohijrah Leasing@sewa kenderaan		105,434.75	-
		15,371,733.71	14,857,353.96
KOS			
Pembayaran pembekalan lain-lain		-	366,128.80
Pembayaran food truck		-	35,000.00
Pembayaran barangan tani		479,260.80	216,257.70
Pembayaran Kohijrah motor		50,200.00	62,332.00
Pembayaran bekalan gajet		-	913,820.00
Pembayaran Tabung Kebajikan Takaful		-	2,539.95
Belanja Dums		1,338,365.11	1,671,783.07
Belanja pembekalan MAHA		-	684,982.80
Belanja Blueprint dan Iseed		1,930,791.26	2,295,808.21
Pembayaran Kohijrah Travel		1,976,260.35	-
Pembayaran pengurusan Tokyo		-	849,532.37
Pembayaran pengurusan Sabah		-	14,158.41
Pembayaran pengurusan Sarawak		-	29,218.25
Baki Dihantar Ke Hadapan		5,774,877.52	7,141,561.56

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2026

	NOTA	2026 RM	2025 RM
Baki Dibawa Dari Hadapan		5,774,877.52	7,141,561.56
Pembayaran F & B		-	2,503,811.01
Pembayaran bekalan peralatan		-	20,323.00
Pembayaran Retreat Marina		-	66,799.50
Pembayaran pengurusan Bangkok		-	137,422.04
Pembayaran pementasan		-	63,908.85
Pembayaran bekalan dan pengurusan lembu		-	510,270.00
Pembayaran pengurusan Indonesia		-	129,035.00
Pembayaran pengurusan Uzbekistan		-	257,182.00
Pembayaran pengurusan Sweden		-	400,561.13
Pembayaran pengurusan Langkawi		-	16,630.00
Pembayaran pengurusan Thaipusam		-	285,268.00
Pembayaran Kohijrah Agro Farm (KAF)		300,050.66	-
Pembayaran Kohijrah Mart		665,243.82	-
Pembayaran Kohijrah Catering		111,271.40	-
Pembayaran Kohijrah Carwash		30,935.50	-
Pembayaran Kohijrah kedai gunting		23,042.43	-
Perbelanjaan Laman Niaga Usahawan (LNU)		231,569.81	-
Perbelanjaan Pusat Lelongan Agro Selangor (PLAS)		1,175,562.85	-
Perbelanjaan Kohijrah Honey Farm (KHF)		43,738.90	-
Perbelanjaan pengurusan acara dan pementasan		3,284,941.31	-
Perbelanjaan Kohijrah Leasing@sewa kenderaan		73,317.00	-
Perbelanjaan Kohijrah Distribution Centre		201,217.09	-
		11,915,768.29	11,532,772.09
PENDAPATAN KASAR		3,455,965.42	3,324,581.87
PELBAGAI PENDAPATAN			
Faedah simpanan tetap		-	17,370.63
Hibah		24,184.92	66,821.88
Fi masuk		-	100.00
Caj pengurusan - Sharifah Event Solutions Sdn. Bhd.		-	11,536.16
Caj pengurusan - Pembiayaan Motorsikal		5,416.00	7,705.00
Pembayaran balik hutang ragu		151,013.72	-
Sewa Laman niaga		44,800.00	27,200.00
Sewa PLAS		-	2,600.00
		225,414.64	133,333.67
PERBELANJAAN			
Alatulis dan Percetakan		3,982.09	5,382.08
Bayaran agen cukai		16,254.00	-
Bayaran akaun		1,450.00	-
Bayaran Audit		7,500.00	7,000.00
Bayaran Bank		866.74	1,443.29
Bayaran UNIFI		14,299.38	11,838.61
Belanja air dan eletrik		77,057.40	74,818.30
Belanja cenderahati tetamu		-	18,594.05
Belanja Hari keluarga		27,913.38	80,270.40
Belanja Indah Water		1,115.35	833.20
Belanja iklan		-	325.81
Baki Dihantar Ke Hadapan		150,438.34	200,505.74

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2026

	NOTA	2026 RM	2025 RM
Baki Dibawa Dari Hadapan		150,438.34	200,505.74
Belanja langganan		8,933.90	12,813.15
Belanja majlis keraian		34,584.05	37,889.05
Belanja minyak, tol dan parking		110,981.91	105,298.97
Belanja pejabat		7,794.79	8,258.87
Belanja pengangkutan		-	10,400.00
Belanja perubatan		21,697.87	15,011.98
Belanja pekerja sambilan		-	74,849.21
Belanja pos		46.80	90.75
Belanja promosi dan program		118,135.80	317,535.31
Belanja sajian AGM		951.60	305.90
Belanja sajian ALK		-	4,236.60
Belanja sajian pejabat		424.00	588.65
Belanja sajian VIP		36,336.20	32,521.89
Belanja sewa peralatan AGM		17,900.00	4,800.00
Bonus		120,600.00	87,462.89
Denda lewat bayar		715.00	1,155.00
Elaun anggota lembaga	23	37,800.00	39,600.00
Elaun audit dalaman		2,000.00	3,000.00
Elaun bertugas		32,910.00	154,316.04
Elaun mesyuarat anggota	24	5,800.00	12,600.00
Elaun kehadiran AGM		23,000.00	10,510.00
Elaun keraian	25	1,200.00	3,000.00
Elaun perjalanan lembaga		3,932.95	-
Elaun sajian lembaga		2,826.80	-
Elaun telepon anggota lembaga	26	5,100.00	5,400.00
Derma dan sumbangan		45,879.21	38,091.25
Gaji dan elaun		1,068,730.06	553,173.54
Hutang ragu		-	145,368.72
HRDF		7,401.46	2,125.48
Insentif ALK		29,500.00	22,500.00
Insurans dan cukai jalan		18,029.90	12,418.00
Insurans kakitangan		-	51,117.70
Kursus dan latihan		1,090.00	800.00
KWSP, PERKESO dan SIP		111,265.00	69,190.10
Lain-lain percetakan		38,819.05	58,802.24
Pelunasan aset tidak ketara		8,416.67	2,416.67
Penyelenggaraan gudang		2,275.65	3,740.65
Penyelenggaraan kandang		-	768.00
Penyelenggaraan kenderaan		193,245.67	130,503.45
Penyelenggaraan Kohijrah Agro Farm (KAF)		10,877.55	5,440.00
Penyelenggaraan Kohijrah Honey Farm (KHF)		39,207.11	8,485.05
Penyelenggaraan Kohijrah Mart		3,612.00	4,873.28
Penyelenggaraan Kohijrah Shop		5,293.31	1,222.10
Penyelenggaraan Laman Niaga		2,838.72	2,744.00
Penyelenggaraan PLAS		5,205.87	17,057.67
Penyelenggaraan pejabat		3,584.60	8,307.34
Penyelenggaraan sistem akaun		-	2,780.00
Penyelenggaraan server		-	2,362.00
Rosot nilai pelaburan		55,050.00	55,050.00
Sewa gudang		72,000.00	80,250.00
Baki Dihantar Ke Hadapan		2,466,431.84	2,421,737.24

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2026

	NOTA	2025 RM	2024 RM
Baki Dibawa Dari Hadapan		2,466,431.84	2,421,737.24
Sewa Honey Farm		-	140.00
Sewa kandang		18,372.00	17,880.00
Sewa Kohijrah Mart		57,450.00	66,000.00
Sewa kontena sejuk beku		96,000.00	82,000.00
Sewa laman niaga		26,816.00	26,500.00
Sewa logistik		88,950.52	123,800.08
Sewa pejabat		56,400.00	54,400.00
Sewa PLAS		30,000.00	27,500.00
Sewa tanah PNSB		2,224.00	-
Stok rosak		83,031.16	50,579.10
Susutnilai		391,770.13	242,526.63
Tuntutan perjalanan		5,428.25	12,030.80
Tuntutan penginapan		28,721.94	19,260.60
Tuntutan makan		13,638.85	21,445.75
Unifom - Baju korporat		14,981.90	23,773.90
Yuran Ikhtisas		18,515.50	10,680.00
		3,398,732.09	3,200,254.10
KEUNTUNGAN BERSIH DIPINDAHKAN KE PENYATA PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN		282,647.97	257,661.44

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2026

	NOTA	2026 RM	2025 RM
ALIRAN TUNAI DARI KEGIATAN OPERASI			
Keuntungan Bersih Tahun Ini		282,647.97	257,661.44
Pelarasan bagi perkara yang tidak melibatkan aliran tunai			
Pelunasan asset tidak ketara		8,416.67	2,416.67
Susutnilai		391,770.13	242,526.63
Rosot nilai pelaburan		55,050.00	55,050.00
Faedah diterima		-	(17,370.63)
Keuntungan sebelum perubahan modal kerja selepas pelarasan		737,884.77	540,284.11
(Tambahan)/Kurangan Dalam			
Stok Perdagangan		193,626.25	(293,316.80)
Penghutang Perdagangan		(9,045.50)	(414,321.75)
Penghutang lain dan Deposit		(311,326.00)	(19,170.00)
Pinjaman Anggota		30,899.50	21,116.50
